




NGV



PETRONAS



Bank
Aka KKM
Majikan
Majikan
Kerjasama
Persewaan
Kerjasama

“Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2000.”



Meskipun menghadapi persaingan sengit semasa tahun tinjauan, Syarikat mencatatkan perolehan Kumpulan yang lebih tinggi, meningkat 26% kepada RM5,057 juta dari RM4,003 juta tahun lalu. Ini adalah berikutan jumlah jualan dan purata harga jualan yang bertambah baik hasil peningkatan permintaan setelah ekonomi negara pulih. Bagaimanapun, harga minyak mentah yang tinggi mengakibatkan kos pemerolehan produk petroleum naik dan margin semakin kurang lalu menjejaskan prestasi keuntungan Syarikat. Keuntungan Kumpulan sebelum cukai menurun 41% kepada RM213 juta, berbanding RM362 juta pada tahun sebelumnya.



PDB MELANCARKAN PRIMAX, MINYAK TANPA PLUMBUM GENERASI BARU YANG MENJANJIKAN PRESTASI DAN PERLINDUNGAN MAKSIMUM

Dalam tahun tinjauan, Syarikat meneruskan program mengembangkan aktiviti untuk mengukuhkan kedudukan dan memastikan pertumbuhan yang berterusan, menghasilkan pertambahan 16 buah stesen baru kepada rangkaian stesen servisnya di seluruh negara. Lebih banyak stesen telah diperbaharui wajahnya dengan warna yang lebih ceria dan menarik selaras dengan program pengimejan semula stesen. Rangkaian kedai kemudahan Mesra juga diperluaskan dengan pembukaan 18 buah kedai baru dalam tahun tinjauan. Keanekaan barangan yang terdapat di kedai kemudahan Mesra sentiasa dipertingkatkan dan bagi memastikan pengunjung terus menikmati kemudahan, urusan perbankan elektronik diperkenalkan di beberapa buah kedai kemudahan Mesra. Kad kumpulan "SmartPay" serta kad kredit dan kad caj terkenal yang lain kini diterima di stesen PETRONAS di seluruh negara.

Pada 20 Januari 2000, Syarikat melancarkan **PRIMAX**, minyak tanpa plumbum generasi baru yang menjanjikan prestasi dan perlindungan maksimum kepada kenderaan dalam usahanya untuk memenuhi keperluan bagi produk bermutu tinggi di kalangan pelanggan. Produk bermutu ini mendapat sambutan baik di kalangan pelanggan berdasarkan jumlah jualan yang semakin bertambah.

Selaras dengan kejayaan Sektor Runcit, Perniagaan LPG dan Komersil juga mencatatkan prestasi jualan yang meningkat dan telah berjaya mempertahankan kedudukan sebagai peneraju pasaran. Pertumbuhan jualan yang lebih tinggi daripada pengembangan pasaran membolehkan Syarikat menguasai bahagian pasaran yang lebih besar dalam setiap sektor.

Menjelang akhir tahun, Syarikat mewujudkan Unit Perniagaan Minyak Pelincir bagi memberikan tumpuan yang lebih kepada perniagaan produk ini. Persaingan dalam sektor ini amat sengit dan ini dapat dilihat daripada jumlah penjual yang ramai. Setelah kejayaan memperkenalkan minyak motor sintetik sepenuhnya, **SYNTIUM**, yang disambut baik oleh pemandu kenderaan, Syarikat memperkenalkan pula **SPRINTA 5000**, minyak motorsikal sintetik sepenuhnya bagi motorsikal pacuan dua lejang dan empat lejang. Selaras dengan prestasi lain-lain produk, peningkatan jumlah jualan minyak pelincir Syarikat semasa tahun tinjauan melebihi pertumbuhan pasaran.

Syarikat kini mempunyai salah satu rangkaian logistik yang paling moden dan meluas di negara ini berikutan pelaburan berhemat bagi kemudahan bekalan dan pengedaran. Dengan adanya kelebihan daya saing ini, Syarikat bersedia untuk meningkatkan jualan dan memenuhi permintaan bagi perkhidmatan bermutu tinggi daripada pelanggan yang semakin canggih. Saluran Paip Pelbagai Produk (MPP) dan Terminal Pengedaran Lembah Klang (KVDT) beroperasi dengan baik dan ini membolehkan Syarikat menikmati manfaat kos yang lebih rendah daripada sistem pengedaran yang amat cekap.





Dalam bidang-bidang lain, kemudahan pengisian bahan bakar penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kini beroperasi dengan keboleharapan yang tinggi, mampu memastikan bekalan bahan bakar jet yang bermutu tinggi serta berterusan bagi pesawat yang singgah di lapangan terbang. Di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, kemudahan pengisian minyak yang baru telah dipasang di ruang apron kargo udara yang baru siap. Bagi menyokong perniagaan LPG yang semakin berkembang, keupayaan pengisian gas di loji Prai sedang dipertingkatkan, sementara pembinaan sebuah loji pengisian yang baru di Bintulu telah diluluskan.

Saya amat berbesar hati untuk melaporkan bahawa Syarikat berjaya melangkah ke alaf baru dengan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini. Dalam hubungan ini, Syarikat memainkan peranan penting dalam pasukan petugas Kerajaan bagi memastikan bekalan minyak negara tidak terjejas.

Sentiasa bergerak seiring dengan suasana perniagaan yang sering berubah berikutan pengenalan urus niaga elektronik, Syarikat telah melancarkan laman web (www.mymesra.com.my) untuk menyampaikan maklumat terkini kepada pelanggan dan pemegang saham. Usaha sedang dilaksanakan

bagi meningkatkan keupayaan laman web ini untuk membolehkannya mengendalikan urusan perniagaan elektronik. Syarikat juga sedang dalam proses membuka Pusat Servis Pelanggan yang akan berfungsi sebagai pusat sehati yang membolehkan pelanggan membuat pesanan, mengajukan pertanyaan mengenai perniagaan dan mengemukakan cadangan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan Syarikat. Untuk menyokong inisiatif moden dan yang berkonsepkan masa depan demi memenuhi keperluan pelanggan ini, Syarikat telah memulakan penghijrahan sistem komputernya kepada sistem SAP R/3. Serentak dengan itu, keupayaan kakitangan juga sedang dipertingkatkan bagi melengkapkan mereka dengan kepakaran dan kebolehan yang perlu. Semua inisiatif ini akan membantu menerajui Syarikat ke arah mencapai wawasannya menjadi **Syarikat Pilihan Pertama**.

Pemulihan ketara dalam permintaan produk petroleum semasa separuh kedua tahun tinjauan adalah petanda baik bahawa ekonomi Malaysia kini berkembang semula. Mengambil kira keadaan-keadaan di luar jangkaan, ekonomi negara akan terus mencatatkan perkembangan yang kukuh dan mampan, serta memberi kesan yang baik terhadap permintaan produk petroleum. Syarikat berada di tahap yang baik untuk merebut peluang daripada perkembangan ini berikutan pelaburan berhemat dalam kemudahan pemasaran dan pengedaran. Kesan penggabungan mega syarikat gergasi minyak di arena global juga dirasai dalam pasaran domestik. Dua syarikat utama dalam pasaran tempatan dijangka menyatukan operasi perniagaan mereka berikutan penggabungan mega tersebut dan ini akan meningkatkan keupayaan dan menurunkan lagi kos mereka. Tambahan pula, syarikat yang baru memasuki pasaran telah berkesempatan untuk bertapak dan kini turut bersedia untuk merebut peluang pasaran yang lebih besar. Syarikat bagaimanapun bersedia untuk mempertahankan, walaupun tidak memperkukuh kedudukannya bagi menghadapi segala cabaran ini.

Akhir sekali, saya bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan dan wakil penjual atas sokongan mereka yang berterusan kepada Syarikat. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan atas sokongannya, serta kepada pihak Pengurusan dan kakitangan Syarikat kerana dedikasi dan komitmen mereka menjadi faktor penting dalam menjadikan tahun kewangan ini satu lagi kejayaan.

TAN SRI DATO' MOHD HASSAN MARICAN
Pengerusi

31 Julai 2000